

Kempen derma organ di USIM

Sebahagian daripada pelajar yang menjayakan kempen pendermaan organ di USIM, baru-baru ini.



Nilai: Lebih 300 pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) memeriahkan Kempen Pendermaan Organ bagi meningkatkan kesedaran dan menarik lebih ramai

golongan muda mendaftar sebagai penderma.

Pakar Bius Hospital Kuala Pilah, Dr Saiful Aizar Kesut menyampaikan ceramah kaedah pendermaan dan

organ yang boleh didermakan kepada pesakit.

Beliau menekankan kepentingan pendermaan organ sebagai penyelesaian kepada aktiviti jual beli organ.

Kempen sehari turut dimeriahkan dengan kehadiran Duta Pendermaan Organ, Maskiran Jaskiran atau lebih dikenali sebagai Kieran Hotfm selain bekas pesakit

buah pinggang, Rulyzam Rahmat.

Rulyzam turut berkongsi pengalamannya menjalani pembedahan pemindahan buah pinggang yang dider-

makan kepadanya.

Kempen diakhiri dengan senamrobik diketuai jurulatih, Khairul Rizal di Kompleks Sukan Tengku Najihah.